

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 JULAI 2023
 AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 15

Pendapatan purata, boleh guna isi rumah Malaysia meningkat

Pendapatan purata, boleh guna isi rumah Malaysia meningkat

4 negeri lepas paras nasional, meningkat kepada RM8,479 tahun lalu berbanding RM7,185 pada 2021

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
 zaky@bh.com.my

Putrajaya: Pendapatan purata isi rumah di Malaysia meningkat 2.4 peratus kepada RM8,479 tahun lalu, berbanding RM7,185 pada 2021 dengan empat negeri melepasi paras nasional, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Dalam laporan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2022, DOSM mendedahkan pendapatan purata isi rumah di Wilayah Persekutuan Putrajaya adalah tertinggi RM13,473, diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (RM13,325), Selangor (RM12,233) dan Johor (RM8,517) tahun lalu.

Namun, Selangor mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan tertinggi bagi pendapatan purata iaitu 4.1 peratus - berbanding RM10,827, manakala Wilayah Persekutuan Labuan merekodkan kemerosotan pendapatan isi rumah kasar bulanan purata dengan pengurangan 0.3 peratus iaitu

RM8,319 (2019) kepada RM8,250. Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata laporan terbabit turut menyatakan pendapatan isi rumah boleh guna purata meningkat 1.7 peratus (RM7,111) berbanding 2019 (RM6,764), manakala pendapatan isi rumah boleh guna penengah bulanan juga meningkat 1.9 peratus (RM5,413) daripada RM5,116 (2019).

"Dari segi ukuran purata, pendapatan isi rumah boleh guna ini merangkumi 83.9 peratus jumlah pendapatan isi rumah kasar.

"Nilai pendapatan itu mengambil kira purata saiz isi rumah sebanyak 3.8 orang dengan purata 1.8 orang penerima pendapatan. Pendapatan isi rumah itu merangkumi pendapatan daripada pendapatan bergaji, bekerja sendiri pendapatan daripada pelaburan dan pindah semasa diterima," katanya pada Majlis Pengumuman Laporan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2022, yang dirasmikan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli di sini, semalam.

Dalam laporan sama, DOSM mendedahkan, pendapatan isi rumah penengah tumbuh sederhana 2.5 peratus setahun tahun lalu kepada RM6,338.

1.58 juta isi rumah T20

Dari sudut corak agihan pendapatan pula, had pendapatan B40 yang merangkumi 3.16 juta isi rumah adalah RM5,249, manakala M40 pula merekodkan julat pendapatan di antara RM5,250



Sumber: Laporan Ketidaksamaan Pendapatan di Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia

hingga RM11,819. Sementara itu, sebanyak 1.58 juta isi rumah berada dalam kumpulan T20 dengan pendapatan melebihi RM11,820 dengan kumpulan itu memiliki 46.3 peratus daripada agihan keseluruhan pendapatan isi rumah, menurun daripada 46.8 peratus pada 2019. Sementara itu, kumpulan M40 memiliki 37.6 peratus, manakala B40 pula hanya menguasai 16.1 peratus daripada jumlah pendapatan, meningkat sedikit dari-

pada 16.0 peratus pada 2019. Mengulas lanjut, Mohd Uzir berkata, penemuan 2022 menunjukkan nilai Pekali Gini yang dikira berdasarkan pendapatan kasar mencatatkan penurunan 0.003 mata indeks kepada 0.404 (2022) daripada 0.407 (2019). Katanya, ia bermakna jurang ketidaksamarataan pendapatan semakin mengecil sebanyak 0.3 peratus pada 2022 berbanding 2019. Beliau mendedahkan, meskipun secara umumnya pendapa-

tan isi rumah di Malaysia semakin meningkat, namun begitu jurang pendapatan antara etnik masih ketara. "Jurang pendapatan antara etnik Cina dan etnik Bumiputera direkodkan pada kadar 1:0.71 (2022) berbanding 1:0.72 (2019). Sementara itu, jurang pendapatan antara etnik Cina dan etnik India ialah 1:0.84 pada 2022 menunjukkan keadaan yang sedikit lebih baik berbanding 2019 (1:0.83)," katanya.